

23 NOV 2000

Asean-sidang kemuncak

PARA PEMIMPIN ASEAN MULAKAN SIDANG KEMUNCAK ESOK

SINGAPURA, 23 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asean akan memulakan sidang kemuncak mereka di sini esok bagi membincangkan cara untuk mengukuhkan perkumpulan 10 negara Asia Tenggara itu selepas mengalami krisis ekonomi Asia dan ketidakstabilan politik di beberapa negara anggota.

Kehadiran semua pemimpin, walaupun sebahagiannya menghadapi masalah dalaman di negara masing-masing, adalah satu petanda baik bagi Asean dan menekankan wujudnya perpaduan yang kukuh, menurut seorang pegawai kanan.

Perdana Menteri negara tuan rumah Goh Chok Tong disertai rakan sejawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Malaysia, Hun Sen dari Kemboja, Sisavath Keobounpanth dari Laos, Chuan Leekpai dari Thailand, Phan Van Khai dari Vietnam, Than Shwe dari Myanmar, Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei, Presiden Joseph Estrada dari Filipina dan Presiden Abdurrahman Wahid dari Indonesia.

Perdana Menteri China Zhu Rongji, Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori dan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung turut menghadiri sidang kemuncak itu untuk berdialog dengan pemimpin Asean dalam mesyuarat Asean Campur Tiga.

Menteri Luar Malaysia Syed Hamid Albar berkata cabaran paling getir yang dihadapi Asean ialah bagaimana untuk menjadikannya lebih kukuh dan memastikan Asean terus relevan pada abad ke-21.

"Adalah penting untuk memastikan Asean terus berfungsi dan tiada percubaan untuk menjejaskan kekuatan dan keberkesanan Asean sebagai sebuah pertubuhan," katanya.

Sidang kemuncak itu dijangka membincangkan isu-isu ekonomi berikutan gesaan daripada negara anggota supaya diadakan integrasi yang konkrit bagi Asean menjadi sebuah destinasi pelaburan yang menarik dan melengkapkan diri menghadapi saingan apabila China menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Dalam agenda itu adalah satu perjanjian kerangka kerja e-Asean yang akan ditandatangani para pemimpin pada petang esok bagi memudahkan e-dagang di antara negara.

Pakatan e-Asean itu juga dilihat sebagai satu pemangkin dalam mengintegrasikan ekonomi bagi Asean yang berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan antara negara anggota kaya dengan negara miskin.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand sebelum ia memperluaskan keanggotaan untuk mencakupi Vietnam, Myanmar, Laos dan Kemboja

Dua laporan Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka akan dibentangkan kepada para pemimpin, yang pertama mengenai cara untuk membantu Asean mencapai wawasannya menjadi sebuah Asean yang makmur dan stabil menjelang tahun 2020 dan kedua, mengenai satu perkongsian baru dengan Jepun.

Kedua-dua laporan itu menonjolkan perlunya mengukuhkan kerjasama bagi kestabilan kewangan dan dalam pertubuhan kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan Thailand Supachai Panitchpakdi, yang bakal menjadi ketua pengarah WTO, berkata beliau berharap peraturan pertukaran mata wang di antara negara Asean, China, Jepun dan Korea Selatan akan dikembangkan menjadi sebuah Tabung Kewangan Asia (AMF).

AMF diilhamkan oleh Jepun pada 1997 tetapi ia ditentang oleh IMF kerana bimbang ia akan terjejas. Bagaimanapun, pengarah urusan IMF yang baru Horst

Kohler nampaknya menyokong diadakan kerjasama kewangan serantau.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz berkata kemasukan China ke dalam WTO tidak harus dilihat sebagai satu tamparan bagi Asean kerana walaupun ia akan mencetuskan persaingan "terdapat banyak bidang yang dapat kita saling lengkap melengkapi."

Seorang pegawai kanan China, yang sedar mengenai kebimbangan negara-negara Asean, berkata Beijing akan mencadangkan penubuhan satu kumpulan kerja untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan dengan Asean.

Kumpulan kerja itu akan berada di bawah jawatankuasa perundingan bersama Asean-China, kata Ketua Jabatan Asia di Kementerian Luar China Fu Ying.

Malaysia mahu ketua-ketua negara itu supaya meluluskan laluan kereta api merentasi Asia yang dicadangkan dari Singapura hingga ke Kunming di China.

Syed Hamid berkata kereta api itu akan membawa banyak manfaat terutama kepada negara-negara di wilayah Mekong untuk membuka dan membangunkan ekonomi mereka.

Malaysia juga mahu para pemimpin berkenaan membincangkan bagaimana untuk membanteras ancaman HIV dan Aids yang menggugat rantau ini.

-- BERNAMA

MAD ARA TCL AKD